

KERANGKA PERUNDANGAN SERTU DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA*THE LEGAL FRAMEWORK OF SERTU FOR HALAL INDUSTRY IN MALAYSIA*Mustafa 'Afifi Abdul Halimⁱ, Sumaiyah Abd Azizⁱⁱ Mohd Mahyeddin Mohd Sallehⁱⁱⁱ, & Hasdhatul Nor Aliah Md Said^{iv}ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: afifi@usim.edu.myⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat & Penyelaras Latihan dan Kosultansi, International Fatwa dan Halal Centre, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: sumaiyah@usim.edu.my
mahyeddin@usim.edu.myⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.^{iv} Pelajar Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: noraliahmidsaid@gmail.com**ABSTRAK**

Halal kini menjadi simbol kualiti, kebersihan dan gaya hidup masyarakat. Halal yang sebelum ini sinonim dengan Muslim, kini telah mula menarik perhatian orang bukan Islam untuk menggunakan produk atau servis halal. Bagi memperoleh pensijilan halal, pelaksanaan sertu menjadi salah satu keperluan penting yang perlu dipenuhi oleh industri sederhana dan besar di Malaysia. Walaupun sertu bukanlah sesuatu yang wajib dilakukan, syarikat perlu mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) secara bertulis berkaitan sertu sebagai persediaan sekiranya berlaku ketidakakuran yang perlu kepada proses sertu (jika berkaitan) dan ini digariskan sebagai salah satu keperluan dalam Sistem Jaminan Halal (HAS) dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2019. Di Malaysia, perundangan halal adalah di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Terdapat beberapa isu berbangkit dalam aspek perundangan dan penguatkuasaan pelaksanaan sertu ini. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji kerangka perundangan sertu dalam industri halal di Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, kajian secara kualitatif akan dilaksanakan, dengan menumpukan kepada kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen dan temubual bersemuka. Dapatan daripada kajian ini mendapati tiada kerangka perundangan sertu secara khusus buat masa ini dan ini boleh mendatangkan kekeliruan dalam melaksanakan pemantauan secara menyeluruh dalam konteks pensijilan halal. Tatacara dan pihak-pihak yang boleh melaksanakan proses sertu juga perlu diperhalusi supaya tidak menimbulkan konflik kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat. Kajian ini mencadangkan agar pihak berotoriti dalam pensijilan halal dapat menyediakan satu kerangka perundangan sertu yang jelas dan seragam bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan sertu yang melibatkan pensijilan halal. Selain itu, dicadangkan supaya di tambahbaik garis panduan khusus bagi setiap skim halal kerana keperluan setiap skim adalah berbeza.

Kata kunci: *Sertu, perundangan, pensijilan halal, industri halal, pengguna***ABSTRACT**

Halal is now a symbol of quality, cleanliness and lifestyle of the community. Halal, which was previously synonymous with Muslims, has now begun to attract non-Muslims to use halal products or services. In order to obtain halal certification, the implementation of sertu has become one of the important requirements that must be met by medium and large industries in Malaysia. Although sertu is not a mandatory thing to do, companies need to establish standard operating procedures (SOPs) in writing related to sertu in the event of non-compliance with the sertu process (if applicable). This is outlined as one of the requirements in the Halal Security System (HAS) Malaysian Halal Management

System 2019. In Malaysia, jurisdiction of Halal is under the state government. There are several issues arising in the legal and enforcement aspects of this implementation. This article aims to examine the legal framework in the halal industry in Malaysia. To achieve this goal, a qualitative study will be conducted, focusing on data collection methods by document analysis and face-to-face interviews. Findings from this study found that there is no specific legal framework at the moment and this can lead to confusion in implementing comprehensive monitoring in the context of halal certification. Procedures and parties that can implement the same process also need to be refined so as not to cause conflicts of interest to the parties involved. This study suggests that the authorities in halal certification can provide a clear and uniform sertu legal framework to avoid confusion in the implementation of sertu involving halal certification. In addition, it is recommended that specific guidelines for each halal scheme be improved because the requirements of each scheme are different.

Keywords: *Sertu, regulation, halal certification, halal industry, consumer*

PENDAHULUAN

Amalan sertu terkenal dan tidak asing lagi di kalangan umat Islam yang bermazhab Syafie, digunakan dalam keadaan yang memerlukan penyucian kepada mana-mana bahagian badan yang terkena najis *mughallazah* (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali diikuti air mutlak enam kali (Kamus Dewan Edisi Keempat). Perbuatan sertu ini lebih dikenali dengan istilah “samak atau menyamak” di kalangan penduduk Islam di Malaysia.

Memandangkan terdapat permintaan yang tinggi daripada pengguna produk dan servis yang mementingkan kesucian dan kehalalan barangan yang mereka gunakan, pengeluar produk dan servis kini juga sanggup memenuhi syarat-syarat yang dikenakan bagi memastikan mereka mendapat pensijilan halal. Terkini, terdapat sembilan (9) skim permohonan bagi Pensijilan Halal Malaysia (Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik), 2019), iaitu:

- 1) Produk makanan dan minuman;
- 2) Produk kosmetik;
- 3) Produk farmaseutikal,
- 4) Produk barangan gunaan;
- 5) Premis makanan;
- 6) Perkhidmatan logistik;
- 7) Rumah sembelihan;
- 8) Pengilangan kontrak/OEM; dan
- 9) Produk peranti perubatan

Sistem Pengurusan Halal Malaysia (2019) mempunyai dua komponen utama iaitu Sistem Kawalan Halal Dalaman (IHCS) dan Sistem Jaminan Halal (HAS). IHCS penting bagi industri kecil dan mikro, di mana hanya komponen ini mengandungi tiga (3) sub-komponen iaitu: polisi halal, kawalan bahan mentah dan kebolehesanan. Manakala bagi syarikat-syarikat atau industri yang bersaiz besar dan sederhana, mereka perlu memberi perhatian kepada HAS yang mengandungi 10 sub-komponen iaitu: polisi halal, Jawatankuasa Halal Dalaman (termasuk Eksekutif Halal), kawalan risiko halal, kawalan bahan mentah, audit halal dalaman, latihan halal, kebolehesanan, semakan HAS, analisis makmal dan sertu. Jadual 1 menunjukkan perbezaan antara dua komponen utama di dalam Draf Sistem Pengurusan Halal Malaysia (2019).

SISTEM PENGURUSAN HALAL MALAYSIA	
SISTEM KAWALAN HALAL DALAMAN (IHCS)	SISTEM JAMINAN HALAL (HAS)
[Bagi industri kecil dan mikro]	[Bagi industri besar dan sederhana]
<ul style="list-style-type: none"> • Polisi halal • Kawalan bahan mentah • Kebolehkesanan 	<ul style="list-style-type: none"> • Polisi halal • Jawatankuasa Halal Dalaman (termasuk Eksekutif Halal) • Kawalan risiko halal • Kawalan bahan mentah • Audit halal dalaman • Latihan halal • Kebolehkesanan • Semakan HAS • Analisis makmal • Sertu

Jadual 1: Komponen dan sub-komponen Sistem Pengurusan Halal Malaysia

(Sumber: Draf Sistem Pengurusan Halal Malaysia (2019))

Walaupun proses sertu ini bukanlah sesuatu yang wajib dilakukan, syarikat-syarikat atau industri yang bersaiz besar dan sederhana, mereka boleh mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) secara bertulis berkaitan sertu sebagai persediaan sekiranya berlaku ketidakakuran yang perlu kepada proses sertu (jika berkaitan) dan ini digariskan sebagai salah satu keperluan dalam Sistem Jaminan Halal (HAS), Sistem Pengurusan Halal Malaysia 2019. Sistem Pengurusan Halal Malaysia (2019) juga telah menggariskan bahawa prosedur sertu yang dibangunkan hendaklah selari dengan garis panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan rekod hendaklah disimpan dan mudah dirujuk semasa pemeriksaan Pensijilan Halal Malaysia dijalankan. Ada juga situasi yang memerlukan proses sertu dijalankan terutamanya jika berlaku ketidakakuran dan keadaan di mana melibatkan najis *mughallazah* dan proses ini perlu dilaksanakan apabila arahan diterima daripada pihak berkuasa berwajib. Proses sertu ini juga memerlukan keberadaan kakitangan JAIN/MAIN sebagai saksi dan pengesah bahawa proses sertu dijalankan dengan sempurna.

Kaedah sertu yang lazimnya dilakukan secara tradisional adakalanya juga tidak sesuai dipraktikkan pada sesetengah industri. Proses sertu yang ditetapkan oleh syarak sebenarnya sedikit berbeza dengan apa yang diamalkan dalam industri halal ketika ini. Ini kerana, jika melihat kepada saranan baginda Rasulullah SAW, sertu boleh dilakukan menggunakan air tanah, tanpa dikhususkan jenis-jenis tanah tertentu. Walaubagaimanapun, dalam industri terdapat peralatan dan mesin yang amat sensitif serta mudah rosak jika terkena air tanah. Justeru, keadaan ini memerlukan kepada penetapan spesifikasi dan standard tanah yang bersesuaian.

Menurut Kassim, Hashim, Hashim & Jol (2014), proses sertu dalam industri halal tidak boleh lagi berpandukan kaedah tradisi, sebaliknya perlu juga meraikan jenis-jenis mesin yang hendak dibersihkan disebabkan sifatnya yang sensitif dan mudah rosak jika terdedah kepada bahan pencuci tertentu. Kajian mereka telah menyarankan keperluan mewujudkan garis panduan penggunaan tanah liat untuk tujuan

sertu dalam bidang-bidang berkaitan halal. Ini termasuklah pengambilkiraan sifat kimia tanah, keselamatan dan kandungan toksik.

Kajian mengenai pelaksanaan sertu industri telah dijalankan oleh Salleh, Halim & Abd Aziz (2020) yang menyatakan wujudnya perbezaan antara amalan sertu Syariah dan industri dalam aspek prosedur dan kaedah, khususnya yang melibatkan mesin dan peralatan yang sensitif dengan air, serta kawasan sukar seperti berkarpet. Di peringkat JAKIM pula, telah pula diwujudkan satu garis panduan khusus mengenai sertu iaitu “Garis panduan Sertu Menurut Perspektif Islam”. Garis panduan ini perlu dirujuk oleh penyedia-penyedia perkhidmatan sertu dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) ketika proses sertu ingin dilakukan.

Dalam pelaksanaan amalan sertu, sama ada bagi tujuan permohonan halal atau tidak, terdapat banyak isu antaranya adalah dari aspek perundangan dan penguatkuasaan pelaksanaan sertu dalam industri halal di Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, kajian secara kualitatif akan dilaksanakan, dengan menumpukan kepada kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen dan temubual bersemuka. Dapatan daripada kajian ini mendapati tiada kerangka perundangan sertu secara khusus buat masa ini dan ini boleh mendatangkan kekeliruan dalam melaksanakan pemantauan secara menyeluruh dalam konteks pensijilan halal.

SOROTAN LITERATUR

Sertu Menurut Mazhab Syafie

Menurut mazhab Shafie, sertu wajib dilaksanakan apabila berlaku percampuran dengan najis *mughallazah* (babi, anjing dan keturunan keduanya). Hukum sertu adalah didasarkan kepada beberapa dalil, antaranya hadis yang menyatakan perlunya mencuci bekas yang dijilat oleh anjing dengan tujuh kali basuhan, termasuk salah satu basuhan menggunakan air tanah. Hadis ini direkodkan oleh Imam Muslim dalam *Sahihnya* seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «طَهِّرُوا إِنَاءَ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْلَاهُنَّ بِالتُّرَابِ»

Daripada Abū Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: “Apabila bekas salah seorang daripada kamu dijilat oleh anjing, maka untuk menyucikan hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah” (Muslim, t.th., Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Ḥukm Wulūgh al-Kalb

Selain daripada itu, dalam hadis yang lain pula Rasulullah SAW mengarahkan supaya air yang berada dalam bekas yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan selepas itu bekas tersebut mestilah dibasuh dengan tujuh kali basuhan. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah sepertimana berikut:

«إِذَا وَلَغَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءٍ أَحَدِكُمْ فَلْيُرْفُهُ ثُمَّ لِيَغْسِلْهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ»

“Apabila anjing menjilat bekas minuman salah seorang daripada kamu, maka hendaklah buang air yang ada di dalam bekas itu, kemudian hendaklah dibasuh tujuh kali” (Muslim, t.th., Kitāb al- Ṭahārah, Bāb Ḥukm Wulūgh al-Kalb)

Ibn Daqīq al-‘Aid (t.th, 1:74) ketika mensyarahkan hadis jilatan anjing tersebut berkata, berdasarkan kepada kedua-dua hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa anjing termasuk dalam kategori najis. Ini kerana, arahan Rasulullah SAW supaya air yang telah dijilat oleh anjing dibuang dan bekasnya dibasuh, seperti dinyatakan pada hadis yang kedua, menunjukkan bahawa ia adalah najis. Selain itu, lafaz "طهور" (*tahūr*) yang bermaksud ‘bersih’ hanya digunakan dalam dua keadaan iaitu sama ada; bersih daripada hadas atau daripada najis. Justeru itu, dalam konteks bekas minuman, istilah yang lebih tepat digunakan adalah bersih daripada najis.

Meskipun nas hadis secara zahir hanya menyebut jilatan anjing sahaja sebagai najis, tetapi menurut jumhur ulama, bahagian-bahagian anjing yang lain seperti kulit, bulu dan tulang juga adalah najis.

Perkara ini ditetapkan berdasarkan kepada kaedah *qiyās*. Ini kerana, sekiranya mulut anjing yang dianggap sebagai bahagian yang paling bersih pun dihukumkan najis (disebabkan tabiat anjing sering menjilat lidah ke mulutnya), maka apatah lagi bahagian-bahagian yang selainnya, sudah tentulah lebih utama dianggap najis (al-Zuhailī, 2007, 1:306; Ibn Hajar al-Haitamī, 1983, 1:312). Justeru, kesemuanya perlu dibersihkan dengan kaedah sertu yang disebutkan dalam hadis.

Manakala untuk kes peralatan yang dicemari najis babi, mazhab Shafi'i berpandangan kaedah membasuhnya adalah sama seperti membersihkan najis anjing (Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, 2017). Perkara ini ditetapkan menerusi kaedah *qiyās*, bersandarkan kepada hujah bahawa keadaan babi adalah lebih teruk berbanding anjing, kerana pengharaman babi disebut secara jelas oleh Al-Quran. Oleh itu, babi adalah lebih utama dari segi najisnya (Abū Ishāq al-Shīrāzī, t.th).

Berdasarkan nas hadis, baginda Rasulullah SAW juga tidak menyatakan secara spesifik mengenai jenis tanah yang perlu digunakan, justeru perkara ini kekal dalam hukumnya yang umum, iaitu bermaksud boleh menggunakan apa sahaja jenis tanah asalkan tidak dicemari dengan najis. Walaubagaimanapun, dalam konteks masa kini, terdapat keperluan supaya diwujudkan standard tanah yang ingin digunakan untuk menyertu, kerana ada sesetengah peralatan yang sensitif dengan penggunaan tanah biasa

Berhubung alternatif kepada air tanah pula, sudah ada fatwa di Malaysia yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006; mengenai keharusan menggunakan sabun tanah liat atau sabun *taharah*. Namun beberapa syarat mesti dipatuhi iaitu tanah tersebut suci, peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain, serta kaedah samak tersebut dilakukan mengikut syarak

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kaedah kualitatif ini sangat sesuai digunakan bagi mengkaji isu sertu ini memandangkan masih belum banyak kajian yang dilakukan dan kaedah ini akan memberikan data yang lebih banyak untuk mencapai objektif kajian. Terdapat tiga cara utama kajian ini dijalankan iaitu dengan menggunakan analisis dokumen, temubual secara mendalam dengan pihak syarikat dan autoriti agama serta pemerhatian lapangan.

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah penyelidikan kualitatif. Analisis dokumen, temubual separa berstruktur ke atas pihak syarikat dan otoriti agama yang terlibat secara langsung dalam perkhidmatan sertu di Malaysia serta pemerhatian lapangan. Rakaman temubual telah dipindahkan ke dalam transkrip dan telah dikodkan dengan berulang kali membaca mereka dan membentuk tema dan kata kunci.

Analisis dokumen ini perlu dilakukan untuk mengetahui dengan terperinci mengenai apa yang telah ada, dijalankan dan ditulis mengenai kajian yang hendak dijalankan. Analisis dokumen dibuat terhadap sumber-sumber rujukan primer dan sekunder, antaranya ialah:

- 1) Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (diterbitkan oleh JAKIM);
- 2) Draf Sistem Pengurusan Halal Malaysia (2019);
- 3) Draf Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2019; dan
- 4) Akta-akta dan garis panduan yang berkenaan dengan halal dan isu yang sedang dikaji.

Temubual mendalam secara bersemuka dan separa berstruktur telah dilakukan terhadap dua (2) syarikat yang menyediakan khidmat sertu (disebut sebagai Syarikat B dan Syarikat J) dan tiga (3) pihak autoriti agama (selepas ini disebut sebagai Jabatan J, Jabatan S dan Jabatan N) yang terlibat dalam mengawal selia proses sertu yang dijalankan. Temubual yang dijalankan secara bersemuka ini mempunyai kelebihan kerana para penyelidik boleh menyesuaikan soalan-soalan seperti yang diperlukan, menjelaskan keraguan dan memastikan respon difahami dengan betul dengan mengulangi atau menguraikan soalan-soalan yang ditanya kepada pihak yang ditemubual. Para penyelidik juga boleh melihat isyarat bukan lisan yang dipamerkan oleh responden seperti sebarang ketidakelesaan,

stress atau masalah yang dihadapi melalui air muka seperti mengerutkan kening, mengetuk saraf dan bahasa badan yang lain. Tanda-tanda seperti ini tidak akan kelihatan sekiranya temubual dijalankan secara atas talian.

Para penyelidik telah menyediakan dengan lebih awal soalan-soalan yang ingin ditanya kepada syarikat dan pihak autoriti agama yang terlibat agar proses temubual berjalan dengan lancar. Soalan-soalan ini juga telah dihantar terlebih awal kepada individu yang terlibat sebelum sesi temubual sebenar berlangsung. Ini bertujuan memberi gambaran kepada mereka mengenai isu-isu yang sedang dalam kajian serta memberi ruang kepada mereka untuk bersedia dengan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Semasa proses temubual berlangsung, di samping berpandukan kepada soalan-soalan yang telah disediakan, para penyelidik juga melakukan proses “probing” iaitu bertanya dan menyelidik dengan lebih lanjut susulan daripada jawapan yang diterima daripada pihak yang ditemubual. Proses temubual ini direkod dan selepas itu proses transkripsi dilakukan oleh pembantu penyelidik. Proses transkripsi ini (rekod temubual dipindahkan ke dalam bentuk dokumen bertaip) dilakukan beberapa kali untuk memastikan tiada maklumat penting yang tertinggal dan sehinggalah penyelidik berpuas hati dengan hasil transkripsi yang dilakukan.

Proses temubual ini amat penting bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan lebih tepat dan spesifik. Melalui temubual yang dijalankan juga, para penyelidik dapat lebih memahami isu-isu dan situasi yang berlaku dalam pelbagai industri berkenaan dengan proses pelaksanaan sertu. Selepas selesai proses transkripsi, para penyelidik bersama-sama meneliti hasil transkripsi temubual untuk mengenalpasti tema atau isu-isu utama yang terhasil dan menganalisis data-data ini mengikut tema yang tersebut. Proses ini dilakukan secara manual.

Tema-tema yang terhasil selepas proses analisis ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam di bahagian dapatan kajian. Penegasan kepada dapatan tema akan dipersembahkan dalam bentuk petikan percakapan oleh wakil syarikat dan pihak autoriti agama yang menjadi peserta bagi kajian ini.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil temubual, pengkaji mengenalpasti empat (4) isu utama berkaitan perundangan dalam pelaksanaan sertu industri. Isu-isu tersebut ialah:

- 1) Pematuhan garis panduan dan fatwa;
- 2) Tiada keselarasan dalam kaedah sertu; dan
- 3) Pemantauan dan penguatkuasaan;

1. Pematuhan Garispanduan dan fatwa

Hasil temubual yang dijalankan menunjukkan berlaku isu ketidakpatuhan oleh operator sertu terhadap garispanduan dan fatwa sertu. Secara lebih khusus, isu ini berkaitan dengan penggunaan produk sertu yang memiliki kadar peratus kandungan tanah yang kurang berbanding bahan-bahan lain. Berdasarkan garispanduan sertu JAKIM, sabun yang mengandungi unsur tanah liat boleh digunakan untuk melakukan samak najis mughallazah dengan syarat tanah tersebut suci dan peratusan kandungan tanah dalam sabun melebihi daripada bahan-bahan yang lain. Bagaimanapun, amalan oleh operator sertu pula adalah sebaliknya. Ini dibuktikan melalui kenyataan Syarikat B dalam petikan berikut:

Haa melebihi, kita ikut based on JAKIM punya ni, minimum 0.6% . So kita punya formulation ni 6%, berlebih lah memang banyak lebih lah. So, bila kita buat 6%, kita hantar test dekat, dekat XXXX. Hantar test tengok dia punya performance dia, dengan dia punya capacity dia aaa, disinfectant ni dia boleh inhabit tak microb-microb ni kan. Jadi dia test dekat E. coli, Salmonella, Staphylococcus Aureus, common bacteria yang ada

dalam food poison lah. Okay so dengan 6% tu, dia dah cairkan lagi 10 kali, yang 10 kali cair tu pun tak boleh nak biak jugak bacteria tu. Haa mati jugak.

Manakala Syarikat A menyatakan seperti berikut:

Aaa, kita pakai maximum 5%. Maximum. Sebab, bila kita buh 50%, 51%, tak boleh bind, pecah. Macam saya kata tadi, tanah ni... Okay tanah ni, mula-mula kita pakai 50%, 51%. Bila pakai 51% ni, sifat tanah tu sendiri yang menyerap segala chemical apa semua tu tadi, dia tak boleh bentuk jadikan sabun. Tak boleh. Dia...lerai, memang terlerai. Dia tak terbentuk. Jadi kita kurang sikit, sikit, sikit...So tak compile lah (sebab) fatwa cakap, mesti lebih daripada 50%. Technically 51 lah. Saya buat 5 je.

Bagi Syarikat B, beliau menyatakan bahawa kadar 6% peratus itu melebihi kadar tanah yang ditetapkan JAKIM iaitu sebanyak 0.6%. Namun setelah disemak garis panduan sertu, kadar minima 0.6% tersebut sebenarnya merupakan kadar kepekatan yang diperlukan bagi campuran air dan tanah, bagi kondisi khas iaitu bagi menyertu alat-alat kompleks yang menyusahkan untuk dibuka seperti kilang ubat-ubatan. Manakala bagi produk sertu, mestilah mengikut keputusan fatwa iaitu kadar tanah melebihi bahan-bahan lain.

Bagi proses yang memerlukan sertu dilaksanakan, ianya juga bergantung kepada kekangan yang wujud dalam industri tersebut.

Melalui temubual yang dijalankan, Jabatan J mengakui bahawa garis panduan sertu sedia ada adalah bersifat umum dan tidak spesifik kepada keperluan industri-industri tertentu. Katanya:

....tapi dia lain tau, industri dan bacaan dalam kitab lain, untuk amalan lain. Berapa nisbah air, berapa nisbah tanah yang tidak merosakkan mesin, adakah terlalu keruh, ada nisbah dia. Adakah ada setengah mesin tu dia sensitif dengan air, macam mana nak guna. Haa yang tu, dia tak boleh macam pukul rata semua, memang tak bolehlah.

Syarikat B sendiri mengakui bahawa mereka tidak mampu untuk melaksanakan proses sertu yang diperlukan oleh setiap skim kerana kepakaran mereka sebenarnya adalah dalam industri makanan dan minuman. Proses sertu yang ingin dijalankan perlu melihat kepada sifat industri itu sendiri, kerana keperluannya adalah berbeza. Wakil Syarikat B menambah lagi:

Contoh kan, saya bagi cabaran kenapa farmaseutikal, bila kita hasilkan produk farmaseutikal ni, dia punya keadaan untuk menghasilkan produk farmaseutikal itu sendiri sangat-sangat terkawal. Kalau dalam F&B, kalau nak hasilkan produk kita hanya perlu guna HACCP dan GMP. Itu saja. Dia tak sampai terlibat nak kawal suhu, nak kawal suasana. Dia tak kawal sampai macam tu. Tapi dalam farmaseutikal, dia nak hasilkan ubat-ubat ni, dia betul-betul bertutup dengan dia punya air ataupun udara dia tu, dia betul-betul kena kawal dia punya tekanan. Jadi, bila kita buat sertu dekat tempat atau peralatan farmaseutikal yang sangat-sangat sensitif ni, tanpa kawalan ataupun tanpa ada pengetahuan yang betul kita boleh merosakkan alat tersebut. Yang kedua, kita boleh membuatkan keadaan dia itu tercemar dengan tanah. Dengan tanah sendiri yang kita buat. Jadi apa yang berlaku berdasarkan pengalaman saya, kita buat sertu, ya tujuan kita untuk patuh dengan Syariah, betul tak? Tapi akhirnya kita aaa... menyusahkan balik aaa... industri itu sendirilah.

Melihat kepada keadaan di atas, Syarikat B tidak berani melakukan sertu untuk syarikat farmaseutikal kerana peralatannya sangat sensitif. Mereka hanya memberikan bimbingan asas sahaja, syarikat farmaseutikal tersebut perlu bekerjasama dengan syarikat lain bagi tujuan menjalankan sertu. Bila diajukan soalan sama ada perlunya garis panduan sertu khusus bagi setiap industri, terus beliau mengatakan “ya”. Ini kerana, garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh JAKIM adalah berbentuk umum.

2. Tiada keselarasan dalam Kaedah Sertu

KERANGKA PERUNDANGAN SERTU DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

Jabatan S menerangkan bahawa untuk memohon sijil sertu umum, permohonan adalah perlu dilakukan kepada pihak JAIN/MAIN. Tiada caj pembayaran yang dikenakan oleh pihak JAIN/MAIN, caj bayaran adalah dibincangkan oleh klien dengan agen atau kontraktor yang akan menjalankan proses sertu. Pihak JAIN/MAIN akan melakukan proses pemantauan. Proses pemantauan ini juga tidak dikenakan caj kerana dianggap sebahagian daripada tugas hakiki kakitangan JAIN/MAIN. Namun begitu, tarikh untuk proses ini perlulah dibincang antara klien dengan agen/kontraktor serta pihak JAIN/MAIN. Ini sangat penting supaya pada masa proses sertu dijalankan, kakitangan JAIN/MAIN akan turut berada di lokasi tersebut untuk memantau proses yang sedang dijalankan.

Semasa proses sertu dijalankan, walaupun pihak syarikat mempunyai eksekutif halal mereka sendiri, wakil daripada JAIN/MAIN perlu ada untuk proses pengesahan. Ini kerana, hanya pihak JAIN/MAIN yang boleh memberikan pengesahan kepada proses sertu yang berjaya dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Katanya:

Di sana ada (halal exec) tapi memang proses dia memang kita kena pergi.. walaupun ada halal eksekutif, kita memang kena pergi.. haa..Pengesahan tu kita.. aaa pengesahan bila dah apa semua tu dia bagi kita la...

Jabatan agama akan memantau... selalunya lebih kurang sama je antara negeri ni walaupun kadang-kadang ada peruntukan yang berlainan tapi operasi tu lebih kurang sama laa.. selalunya mereka tak buat pun benda tu.

Penyedia perkhidmatan sertu juga mempunyai cabaran dalam aspek keseragaman SOP antara negeri. Sekiranya JAKIM mengeluarkan SOP yang akan dipakai oleh semua JAIN/MAIN, ini akan lebih memudahkan semua pihak. SOP ini juga sepatutnya menekankan mengenai bidang kuasa JAIN/MAIN ini setakat dalam negeri kawalan masing-masing supaya pelanggaran kawasan yang diamanahkan itu dapat dielakkan. Syarikat penyedia perkhidmatan sertu perlu juga mengambilkira kawasan yang ditauliahkan nanti (sekiranya peraturan jurusertu bertauliah terpakai hanya kepada di bawah JAIN/MAIN mengikut negeri masing-masing) seperti yang dinyatakan oleh wakil Jabatan S dalam sesi temubual:

Ada satu lagi Jabatan J tengah buat untuk penyelarasan macam mekanisme Kita memang dah cuba selaraskan dengan Jabatan J tapi memandangkan macam kita takde punca kuasa yang jelas. Kami hanya buat untuk pensijilan dan kita ada satu mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana seluruh Malaysia, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pensijilan Halal Malaysia. Yang tu, dalam tu semua bahagian-bahagian pengurusan halal seluruh Malaysia akan hadir untuk mesyuarat dan pernah dibincangkan berkenaan dengan sertu inilah, untuk penyelarasan. Sebab ada yang buat macam bahagian sendiri buat, macam ada sesetengah negeri; sertu, bahagian halal yang kena turun. Bahagian lain tak boleh turun. Ada setengah negeri, aa sebab aaa dilarang daripada bahagian halal yang buat sebab dia akan menjejaskan integriti.

Berdasarkan pernyataan ini, tiada penyelarasan mekasma yang tetap bagi pelaksanaan sertu di peringkat negeri. Terdapat cadangan supaya sertu diletakkan di bawah bahagian lain supaya tidak menjejaskan integriti pensijilan halal. Wakil dari Jabatan S ada mencadangkan:

Sebab tu yang saya tengah buat garis panduan yang nak menceritakan dengan jelas siapa yang kena buat, kalau kita nak lantik company, company mana yang.. macam mana pendaftaran company, siapa nak buat pengesahan. Sebab kaedah yang sekarang ni, kita open lagi maknanya bahagian.. staff saya boleh buat kalau ada permintaan dan ada sesetengah keadaan Jawatankuasa Halal dalaman company yang akan buat tapi staff saya kena ada untuk buat pengesahan benda tu, dia telah dilaksanakan dan ada setengah keadaan kita tak sempat nak pergi dan kita turunkan kepada daerah, Pejabat Agama Daerah untuk dia pergi tengok pelaksanaan tu, buat pengesahan sebab dia kena ada orang yang mengesahkan. Sebab kita pernah ada permohonan untuk sertu dapur diambil alih oleh apa dapur daripada restoran cina kan, diambil alih. Jadi, nak kena sertu. Jadi bila

pegawai kita turun, Jawatankuasa Halal dalaman dia taktau nak buat apa, 'ain masih ada lagi. Barang-barang yang fizikal tu masih ada lagi, tak dibuang tapi dah nak disertu. Macam kalau kita bimbang kalau benda ni takde pengawasan sebab tu kita.. benda ni dikatakan telah dilaksanakan, dia telah dibuat sertu tapi tak dibuat. Dan ada juga bila kita nak turunkan kepada company, kita takut macam yang tak betul hanya macam dijumpai berus bulu babi kan, berus bulu yang memang dah positif babi, haa tapi nak disertu seluruh dapur sedangkan benda tu diguna untuk ni tray, tray apa tray oven sahaja, bukan pada seluruh dapur.

Bagi prosedur dan pengurusan sertu, wakil daripada Jabatan S ada menerangkan usaha yang dibuat oleh JAKIM untuk menyelaraskan mekanisme bagi proses ini. Tiga kaedah yang sedang dipertimbangkan adalah seperti yang dinyatakan:

Ada satu lagi JAKIM tengah buat untuk penyelarasan macam mekanisme macam mana nak, dia ada 3 kaedah; (1) sertu dilakukan oleh pegawai di Bahagian Halal sendiri (2) JAIN/MAIN melantik syarikat-syarikat luar (penyumberan luar) untuk melaksanakan sertu; (3) sertu dilakukan oleh Jawatankuasa Halal Dalaman (IHC) syarikat. Haa dia ada 3 kaedah yang tu, yang tu yang kita nak murnikan lagi lah. Makna kalau nak pegawai yang nak pergi pengesahan tu, apa bayaran yang dikenakan, adakah tanpa caj/bayaran (FOC) sahaja ataupun siapa nak tanggung kos pegawai tu duduk di sana sebab dia lama tau. Kalau sertu untuk industri, dia bukan macam sertu untuk rumah satu, sertu untuk ruang satu. Sertu untuk industri, satu hari untuk buka mesin; satu hari untuk sertu, satu hari untuk pasang balik mesin tu. Dan kita kena hati-hatilah macam nak buat tu, takut mesin rosak haa. Sebab mesin daripada oversea, bila dia kata ini mesin pernah digunakan hmm biasa dia pasang balik mesin daripada mesin terpakailah (second hand), daripada luar negara. Itu dia minta sertu tu. Yang tu memang susah.

Berdasarkan kepada temubual di atas, JAKIM dalam proses membuat pelarasan dalam memastikan keseragaman kepada pelaksanaan sertu. Keperluan prosedur operasi yang seragam (*standard operating procedure*) dalam pengurusan sertu oleh JAIN/MAIN ini penting.

Prodesur dan pengurusan sertu ini boleh diseragamkan oleh JAKIM dan digunapakai oleh semua JAIN/MAIN. Ini akan lebih memudahkan prosedur dan pengurusan sertu serta mengelakkan kekeliruan kepada pihak yang memerlukan khidmat sertu ini, tidak kira di negeri mana pun mereka beroperasi

3. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Proses sertu boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja, bila adanya keperluan untuk melakukan sertu. Ini tidak menjadi masalah sekiranya barang yang disertu itu adalah milik persendirian dan tiada keperluan untuk mengesahkan bahawa proses sertu telah dijalankan. Walau bagaimanapun, untuk tujuan pensijilan halal Malaysia, sekiranya proses sertu ini perlu dilaksanakan atas sebab-sebab tertentu, sijil pengesahan sertu akan dikeluarkan oleh JAIN/MAIN.

Memandangkan proses sertu yang dijalankan perlu pengesahan daripada pihak jabatan agama, klien untuk perkhidmatan sertu ini lebih mempercayai kakitangan daripada jabatan agama menguruskan dan menjalankan proses sertu. Bagi syarikat yang terlibat dalam menawarkan perkhidmatan sertu ini, mereka juga memerlukan perakuan daripada jabatan agama dalam usaha untuk meyakinkan klien dan juga bakal klien mereka bahawa perkhidmatan yang mereka tawarkan ini adalah sah dan boleh dipercayai.

Proses sertu yang dijalankan adalah mengikut garis panduan sertu yang disediakan oleh JAKIM. Proses sertu industri terutamanya yang melibatkan pensijilan halal perlulah dilakukan dengan teliti dan mengikuti garis panduan yang telah disediakan oleh JAKIM.

Bagi proses sertu untuk tujuan pensijilan halal, ianya memerlukan pengesahan pihak JAIN/MAIN. Punca kuasa bagi proses sertu jenis ini adalah sangat jelas dan dipatuhi oleh semua pihak. Namun

KERANGKA PERUNDANGAN SERTU DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

begitu, punca kuasa bagi perkhidmatan sertu bukan untuk tujuan halal seperti sertu rumah, kolam renang, kenderaan persendirian dan sebagainya, ianya masih tidak jelas. Kita sedia maklum bahawa proses sertu ini boleh dilakukan sendiri (sekiranya bukan untuk tujuan pensijilan halal), namun terdapat juga individu yang mahu proses ini dijalankan oleh penyedia perkhidmatan sertu itu sendiri. Aspek punca kuasa bagi pelaksanaan ini tidak dinyatakan secara jelas dalam mana-mana kaedah atau enakmen negeri-negeri. Wakil Jabatan S menyatakan seperti berikut:

Sebab tu kita nak kena ada punca kuasa. Nak masukkan dalam kaedah-kaedah sebab itu keperluan dia yang saya jelaskan kepada ahli Majlis Agama perlunya ada kaedah undang-undang. Pindaan undang-undang perlu di buat untuk memasukkan benda tu untuk adakan kaedah-kaedah macam kaedah tauliah sebelah, kaedah aaa... apa makanan dan minuman yang diberikan daripada golongan orang bukan Islam. Kita nak ada control yang itu sebenarnya.

Walaubagaimanapun wujud juga isu langkau sempadan sepertimana yang dinyatakan oleh wakil Jabatan S:

Sebenarnya pengurusan halal negeri. Sebab tu kita buat penyelarasan, cuma haritu diorang dah dipanggil oleh Satu Syarikat ini (Syarikat P) dan Syarikat P percaya kaedah yang dilaksanakan oleh Negeri J, jadi diorang lantik Jabatan J untuk laksanakan benda tu walaupun kadang tu kapal tu berada di Vietnam, di Singapore, di oversea lah. Jadi, diorang akan terbangkan pegawai Jabatan J ke sana. Bukan diorang lah tapi company yang diorang dah lantik tu. Sebab pengesahan tu dia ada surat pengesahan dan disaksikan dan berada di bawah pengawasan pegawai Jabatan J.

Jabatan S berpendapat bahawa wujud isu bidang kuasa antara negeri dalam pelaksanaan sertu kerana sertu adalah salah satu komponen dalam pensijilan halal. Pensijilan halal pula adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri. Ini adalah perkara yang wajar diberi perhatian untuk memastikan tidak timbul isu bidang kuasa dalam pelaksanaan sertu.

Dari segi pemantauan, perlu ada rekod yang teratur untuk memastikan ianya tidak menjejaskan pensijilan halal sepertimana yang dinyatakan oleh wakil Jabatan J:

Setakat ni tak perlu tapi mesti direkod lah kita buat pemantauan ada rekod, kalau kata tak ada rekod pun kita tak boleh nak terima just do what you say. buat-buat tapi bukti tak ada.

Perekodan dalam pelaksanaan sertu ini amat penting bagi industri yang terlibat dalam pensijilan Halal Malaysia.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa terdapat ruang penambahbaikan yang dapat dilakukan untuk pihak autoriti agama terutamanya JAKIM dan JAIN/MAIN dalam memantapkan pelaksanaan sertu dalam industri halal di Malaysia. Paling utama, garis panduan sertu perlu dikemaskini selari dengan keperluan semasa dan mengambilkira kepelbagaian industri yang mempunyai kekangan yang berbeza. Terdapat keperluan garis panduan sertu khusus bagi setiap skim halal. Langkah ini sangat penting bagi memastikan proses sertu yang perlu dilakukan oleh syarikat-syarikat dalam industri tersebut mematuhi SOP yang sebenar. Ini akan memudahkan proses pensijilan halal yang akan diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut.

Punca kuasa bagi pelaksanaan sertu ini juga haruslah jelas supaya tidak timbul isu bidangkuasa antara negeri dalam pelaksanaan sertu ini. Penyeragaman prosedur dan pengurusan sertu sangat perlu supaya tidak timbul kekeliruan yang akan menyukarkan proses kepada syarikat-syarikat yang memerlukan khidmat sertu ini.

Dari segi fi pengurusan dan khidmat sertu, masih belum ada kadar caj yang ditetapkan oleh JAKIM dan JAIN/MAIN untuk hal ini dalam Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan

Penandaan Halal) 2011. Namun, syarikat penyedia khidmat sertu ini mempunyai perkiraan kos mereka sendiri sebagai asas penetapan harga kepada klien. Pihak autoriti agama mempunyai ruang untuk menasihatkan syarikat dalam penetapan harga setelah membuat perundingan dengan syarikat-syarikat yang menawarkan proses sertu. Ini bagi memastikan pihak Syarikat yang melaksanakan proses sertu tidak mengambil peluang terhadap kelompongan undang-undang dalam penetapan fi untuk pelaksanaan sertu ini.

Akhir sekali, terdapat keperluan untuk diwujudkan satu kaedah sertu diperingkat negeri yang dapat diselaraskan antara negeri-negeri yang secara tidak langsung akan menyelesaikan permasalahan berkaitan bidang kuasa yang timbul dalam pelaksanaan sertu ini. Tatacara dan pihak-pihak yang boleh melaksanakan proses sertu juga perlu diperhalusi supaya tidak menimbulkan konflik kepentingan kepada pihak-pihak yang terlibat. Kajian ini mencadangkan agar pihak berotoriti dalam pensijilan halal dapat menyediakan satu kerangka perundangan sertu yang jelas dan seragam bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan sertu yang melibatkan pensijilan halal. Selain itu, dicadangkan supaya di tambahbaik garis panduan khusus bagi setiap skim halal kerana keperluan setiap skim adalah berbeza

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Perlaksanaan Sertu Dalam Industri Halal Di Malaysia: Ke Arah Pembentukan Amalan Terbaik” yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM dan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/KHAS_IHRAM/03/051007/13718).

RUJUKAN

- Al-Zuhailī, Wahbah bin Mustafa (2007). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Ibn Daqīq al-‘Aid (t.th). *Ihkām al-Ihkām Syarḥ ‘Umdat al-Ahkām*. Maṭba‘ah al-Sunnah al-Muḥammadiyah.
- Ibn Ḥajar al-Haitamī, Aḥmad bin Muḥammad (1983). *Tuḥfat al-Muḥtāj fi Sharḥ al-Minhāj*. Mesir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.
- Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naisabūri (t.th). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Muslim)*. 5 vols. Ed: Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Nurul Husna Mahmud (2019, Mei 19). Sertu Pinggan Mangkuk Pesawat. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/05/457267/sertu-pinggan-mangkuk-pesawat>
- JAKIM (2013). *Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Kamus Dewan Edisi Keempat, 2017. “Sertu”. Diakses dari <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sertu>
- JAKIM (2019). Draf Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2019. Diakses dari [http://www.halal.gov.my/ckfinder/userfiles/files/draf/Draf%20MPPHM\(Domestik\)%202019-National%20Consultation.pdf](http://www.halal.gov.my/ckfinder/userfiles/files/draf/Draf%20MPPHM(Domestik)%202019-National%20Consultation.pdf)
- JAKIM (2019). Draf Sistem Pengurusan Halal Malaysia (2019). Diakses dari <http://www.halal.gov.my/ckfinder/userfiles/files/draf/DRAF%20MHMS-National%20Consultation.pdf>
- Ahmad, N., & Shariff, S. M. (2016). Supply Chain Management: Sertu Cleansing for Halal Logistics Integrity. *Procedia Economics and Finance*, 37, 418-425.
- Hashim, P., Kassim, N., Hashim, D. M., & Jol, H. (2013). Study on the Requirement of Clay for Islamic Cleansing in Halal Food Industry. *Turkish Online Journal of Science & Technology*, 3(3).
- Kassim, N., Hashim, P., Hashim, D. M., & Jol, H. (2014). New Approach of Samak Clay Usage for Halal Industry Requirement. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 121, 186-192.

KERANGKA PERUNDANGAN SERTU DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA

Salleh, M. M. M., Halim, M. A. A., & Abd Aziz, S. (2020). Implementation Of Islamic Cleansing (Sertu) In The Halal Industry. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 18(1), 1-9.

Al-Shīrāzī, Abū Ishaq Ibrahim bin Ali bin Yūsuf (t.th). *Al-Muhazzab fī Fiqh al-Imām al-Shafi'i*. 3vols. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (2017). *The Use of Animal Parts in Halal Product in Malaysia*. Tesis Phd. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Transkrip temubual bersama dua syarikat penyedia khidmat sertu dan tiga pihak autoriti agama.